

BUTIRAN IKLAN

(i) Tajuk : "SENARAI TAPAK-TAPAK MPSP UNTUK DI SEWA";

JADUAL 1

| BIL. | LOT | MK. | DAE. | LOKASI | KEGUNAAN SEDIA ADA | KELUASAN (K.P.) | HARGA IKLAN SEBULAN (RM) | TEMPOH SEWAAN | KOORDINAT LOKASI GPS |
|------|---------|-----|------|------------------------------|------------------------------|---------------------------|--------------------------|-----------------------------------|----------------------|
| 1 | PT 21 | 6 | SPU | JLN BERTAM 2, BERTAM | TAPAK KOSONG (PEMBANGUNAN) | 87,495.00 (2.008609 EKAR) | 6,500.00 | (3) tahun + Opsyen (2) tahun lagi | 5.513024, 100.437143 |
| 2 | 4824 | 3 | SPU | PERSIARAN BERTAM PERDANA 1 | TAPAK KOSONG (PENJAJA/GERAI) | 74,101.99 (1.701148 EKAR) | 4,000.00 | (3) tahun + Opsyen (2) tahun lagi | 5.538454, 100.466518 |
| 3 | PT 2997 | 11 | SPT | JLN PERUSAHAAN, TMN PELANGI | DEPO SAMPAH | 3,509.00 (0.080556 EKAR) | 1,000.00 | (3) tahun + Opsyen (2) tahun lagi | 5.341230, 100.428537 |
| 4 | 2989 | 6 | SPT | LRG NAGASARI 9,TMN NAGASARI | TAPAK KOSONG (PASAR AWAM) | 28136.86 (0.645933 EKAR) | 15,000.00 | (3) tahun + Opsyen (2) tahun lagi | 5.364012, 100.410985 |
| | 3037 | | | | TAPAK LETAK KERETA | 45229.95 (1.038337 EKAR) | | | |
| 5 | 10018 | 12 | SPT | JLN PANGSA JURU SETIA | TAPAK KOSONG (PENJAJA/GERAI) | 25122.94 (5.767354 EKAR) | 5,000.00 | (3) tahun + Opsyen (2) tahun lagi | 5.331911, 100.428031 |
| 6 | PT 3877 | 14 | SPT | TIGA BELAS KONGSI,BKT MINYAK | TAPAK KOSONG (DEPO/BENGKEL) | 284016.54 (6.520123 EKAR) | 28,400.00 | (3) tahun + Opsyen (2) tahun lagi | 5.344081, 100.453543 |

PELAN TAPAK

BIL. 1

LOT PT 21, TAPAK CAWANGAN MPSP, BERTAM - SPU



GAMBAR BESERTA KAIN RENTANG (BANNER)



LOT 4824, TAPAK KOMPLEKS PENJAJA, BERTAM PERDANA, JALAN PAYA KELADI - SPU



GAMBAR BESERTA KAIN RENTANG (BANNER)






GAMBAR BESERTA KAIN RENTANG (BANNER)



LOT 3037 & 2989, PASAR AWAM, NAGASARI - SPT



GAMBAR BESERTA KAIN RENTANG (BANNER)



LOT 10018, TAPAK PENJAJA, TAMAN JURU SETIA - SPT



GAMBAR BESERTA KAIN RENTANG (BANNER)



LOT PT 3877, 13 KONGSI, KOTA PERMAI - SPT



GAMBAR BESERTA KAIN RENTANG (BANNER)



(ii) Syarat-syarat utama permohonan :-

- (i) Permohonan ini terbuka kepada mana-mana warganegara Malaysia yang berusia 21 tahun dan ke atas atau syarikat-syarikat yang berminat dan hendaklah tidak berstatus muflis;
- (ii) Pemohon-pemohon yang layak bolehlah memohon secara bertulis (tiada borang disediakan) kepada MPSP untuk menyewa harta-harta MPSP ini dengan menyatakan kadar sewaan, tujuan sewaan dan tempoh sewaan dan jumlah pelaburan yang akan dibelanjakan bagi tujuan permohonan ini serta perinciannya;
- (iii) Pemohon juga bolehlah mengemukakan bukti saih pengalaman yang ada di dalam bidang perniagaan seperimana yang dicadangkan dan bukti kedudukan kewangan yang kukuh individu atau syarikat;
- (iv) Tiap-tiap pemohon mestilah menyerahkan permohonan yang telah lengkap diisi dan ditandatangani serta diletakkan ke dalam satu sampul surat yang dimeterai. Permohonan tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam peti menerima permohonan yang disediakan di Kaunter Berpusat MPSP bermula pada **1 Oktober 2018 hingga 31 Oktober 2018 (sebelum jam 12 tengahari)**;
- (v) Setiap pemohon perlulah mencatitkan perkataan 'Permohonan Untuk Menyewa Harta Milik MPSP' di atas sebelah kiri sampul surat permohonan;
- (vi) Pemohon dikehendaki menawarkan kadar sewa yang menyamai kadar sewa rezab atau melebihi kadar sewa rezab. Kadar sewaan akan dinaikkan sebanyak 10% apabila opsyen penyambungan sewa dilanjutkan;
- (vii) Senarai harta-harta untuk disewakan adalah seperti di Jadual 2;
- (viii) Tempoh sewaan ialah selama tiga (3) tahun dan dengan opsyen melanjutkan tempoh sewaan selama dua (2) tahun;
- (ix) Opsyen untuk melanjutkan tempoh sewaan adalah kepada MPSP. Pemohon dikehendaki memohon kepada MPSP untuk melanjutkan tempoh sewaan tiga (3) bulan sebelum berakhirnya sewaan tiga (3) tahun yang pertama;
- (x) Caj denda lewat sebanyak 10% daripada bayaran sewa bulanan akan dikenakan sekiranya penyewa terlewat membayar selama satu (1) bulan dan kadar 20% daripada bayaran sewa bulanan akan dikenakan sekiranya lewat membayar selama dua (2) bulan;
- (xi) Permohonan penyewaan ini adalah tertakluk kepada konsep "**As Is Where Is Basis**". Segala kos pembersihan tapak, kos pemberian, kos penyenggaraan, kos pembinaan dan lain-lain kos yang berkaitan adalah di bawah tanggungjawab pemohon;
- (xii) Bayaran sewaan hendaklah dijelaskan di awal bulan sebelum 7 haribulan;
- (xiii) Penyewaan boleh ditamatkan sekiranya pemohon gagal menjelaskan bayaran sewa lebih daripada dua (2) bulan kepada MPSP;

- (xiv) Bayaran deposit sewaan adalah bersamaan tiga (3) bulan sewa termasuk bayaran GST. Bayaran deposit sewaan ini hendaklah dijelaskan sebaik sahaja pemohon menerima tawaran sewaan MPSP. Bayaran deposit ini akan dipulangkan semula kepada pemohon tanpa faedah selepas tamatnya tempoh perjanjian sewaan atau apabila berlaku penamatan awal dan selepas ditolak apa-apa hutang yang tertunggak kepada MPSP;
 - (xv) Pemohon dikehendaki menjelaskan bayaran deposit elektrik dan air sebaik sahaja menerima tawaran sewaan MPSP;
 - (xvi) Pemohon hendaklah menjelaskan segala bil air, elektrik, bil-bil utiliti lain dan cukai-cukai yang berkaitan dengan penggunaan di atas harta yang disewakan;
 - (xvii) Pemohon dengan kos sendiri dikehendaki mengemukakan bukti-bukti resit bayaran bil air, elektrik, bil-bil utiliti lain dan cukai-cukai yang berkaitan setiap tiga (3) bulan ke Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MPSP;
 - (xviii) Bayaran sewa hendaklah mula dijelaskan oleh pemohon dalam tempoh selewat-lewatnya enam (6) bulan dari tarikh penerimaan tawaran sewa atau pada ketika perniagaan mula beroperasi mengikut mana-mana yang terdahulu;
-
- (xix) Pemohon hendaklah menyatakan persetujuan menerima tawaran sewa daripada MPSP dalam tempoh dua (2) minggu daripada tarikh surat MPSP dikeluarkan. Pemohon dianggap menolak tawaran jika gagal menyatakan persetujuan menerima tawaran sewa dalam jangkamasa yang ditetapkan;
 - (xx) Pemohon tidak dibenarkan menyerah, menyewa kecil atau melepaskan mana-mana bahagian harta yang disewakan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada MPSP;
 - (xi) Pemohon hendaklah membenarkan pegawai-pegawai, kakitangan atau agen MPSP pada masa-masa yang munasabah memasuki dan memeriksa harta yang disewakan;
 - (xii) Pemohon tidak dibenarkan mendirikan apa-apa struktur binaan berhala atau tokong di atas harta yang disewakan;
 - (xiii) Pemohon dikehendaki menyerahkan kepada MPSP keseluruhan harta MPSP yang disewa serta apa-apa binaan yang dibangunkan di tapak dan dengan kos sendiri mengeluarkan semua binaan di tapak sekiranya diarahkan secara bertulis oleh MPSP selepas tamatnya tempoh sewaan atau apabila berlaku penamatan awal tanpa menuntut apa-apa pampasan;
 - (xiv) Mana-mana pihak boleh menamatkan perjanjian sewaan ini dengan memberi pihak satu lagi tiga (3) bulan notis secara bertulis;
 - (xv) MPSP berhak menamatkan perjanjian sewaan ini tanpa memberi sebarang notis sekiranya bayaran sewaan harta berkenaan tidak dibayar selama dua (2) bulan;
 - (xvi) MPSP berhak untuk menawarkan kepada mana-mana pihak mengikut jenis cadangan kegunaan harta dan harga yang ditawarkan oleh pemohon dan berhak menolak mana-mana permohonan serta tidak terikat untuk menerima mana-mana permohonan;

- (xxvii) Pemohon hendaklah mendapatkan lesen perniagaan yang berkaitan daripada Jabatan Pelesenan MPSP serta mematuhi segala peraturan yang ditetapkan sebelum menjalankan perniagaan;
- (xxviii) Pemohon dinasihatkan supaya menyemak terlebih dahulu syarat-syarat perancangan, hakmilik dan syarat-syarat perundungan serta membuat lawat periksa tapak berdasarkan cadangan kegunaan harta yang dipohon. MPSP tidak akan bertanggungjawab di atas kegagalan/kelewatan permohonan ke atas pembangunan yang dicadangkan oleh pemohon;
- (xxix) Pemohon dikehendaki menandatangani perjanjian sewaan dengan MPSP dan menanggung sepenuhnya segala kos penyediaan perjanjian dan bayaran duti setem yang terlibat; dan
- (xxx) Syarat-syarat lain sewaan yang akan ditentukan oleh MPSP.